

PENASIHAT

Ir. Saari bin Abdullah P.Eng, MIEM
A.M.S, P.M.C

EDITOR

Muhamad Fikri bin Mohd Hisham

PENOLONG EDITOR

Liliwati binti Ismail

JURUFOTO

Ahmad Khairul Nizam bin Hanafi

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Operasi
Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Sembilan

Tech Times



VISI

Peneraju
Perkhidmatan
Kepakaran
Kejuruteraan dan
Pengurusan Sum-
ber Air Negara

MISI

Menyediakan
Perkhidmatan
Kepakaran
Kejuruteraan &
Pengurusan Sum-
ber Air merangku-
mi Pengurusan
Lembangan
Sungai, Zon Pantai
serta Pengurusan
Banjir & Kemarau
secara bersepadu
bagi meningkatkan
kualiti hidup rakyat
dengan memasti-
kan Sekuriti Air
dan Kelestarian
Alam Sekitar

SLOGAN

"Jayakan
Perkhidmatan
Sempurna"

PIAGAM PELANGGAN

Kami akan menyediakan perkhidmatan kepakaran kejuruteraan profesional dan berkualiti dalam perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan program-program pengurusan sumber air dan hidrologi, pengurusan banjir, sungai, pantai dan saliran secara pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM). Perkhidmatan kami akan berdasarkan amalan kejuruteraan terbaik dengan mengambil kira sekuriti air, kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial. Dalam melaksanakan tugas dan fungsi berikut, kami berikrar akan:

Memberi maklumbalas awal terhadap sebarang aduan dan pertanyaan awam berkenaan masalah banjir, sungai, pantai dan saliran dalam masa dua (2) hari bekerja dan maklumbalas kaedah penyelesaian dalam masa lima belas (15) hari bekerja.

Menyediakan ramalan dan hebahan amaran banjir 3 jam ke hadapan.

Memberi ulasan teknikal terhadap permohonan lengkap EIA, pembangunan dan pemajuan tanah, penebusgunaan tanah untuk sektor perumahan, perindustrian, komersial dan pertanian dalam tempoh satu (1) bulan.

Memberi maklumat-maklumat kepada pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja:

- Maklumat Hidrologi
- Peta Hazard/ Peta Banjir
- Maklumat Lembangan Sungai
- Data GIS
- Data Zon Pantai

MISI MEMBANTU MEMBERSIHKAN RUMAH PENDUDUK

21 DISEMBER 2021

Beberapa agensi Kerajaan & swasta di daerah Rembau termasuk warga kerja JPS Rembau telah menghulurkan sumbangan tenaga dalam misi membantu membersihkan rumah penduduk yang terkesan secara langsung dengan kejadian banjir kilat pada 17 & 18hb Disember 2021 di sekitar Lubok China Rembau bagi meringankan beban mereka. Program diselaraskan oleh Pejabat Daerah & Tanah Rembau. Syabas & terima kasih kepada semua yang terlibat.

#kitajagakita



PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2021

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



OPS LUMPUR

13 DISEMBER 2021

OPS LUMPUR (Pemeriksaan komponen Kawalan Hakisan dan Kelodak) di Projek Pembangunan Taman Iringan Bayu, Daerah Seremban bersama YB Tuan Veerapan A/L Superamaniam (Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi Dan Kepenggunaan, Negeri Sembilan).

Operasi turut disertai Ir. Saari bin Abdullah (Pengarah JPS Negeri Sembilan), Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS), Badan Kawal Selia Air (BKSA), Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pegawai-Pegawai JPS Negeri/Daerah.

Ops Lumpur merupakan tindakan bersepadu dalam memastikan pematuhan pemaaju dalam menyediakan komponen ESCP semasa fasa kerja tanah dijalankan iaitu *sediment basin*, *temporary earth drain*, *check dam*, *silt fence*, *wash trough* dan kaedah perlindungan cerun yang terdedah.



PROGRAM / AKTIVITI

SESI AMANAT PENGARAH JPSNS BAGI TAHUN 2021

11 FEBRUARI 2021

Sesi Amanat Ir. Saari bin Abdullah, Pengarah JPSNS bagi tahun 2021 telah diadakan di Wisma Negeri pada 11 Februari 2021. Penglibatan seluruh warga JPS Negeri yang melibatkan 7 daerah dan bahagian dilakukan secara hibrid bagi mematuhi SOP semasa PKP. Turut telah diadakan majlis ringkas penyampaian penghargaan kepada warga JPS yang telah berpindah ke Jabatan baru di Negeri Sembilan.



MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

09 DISEMBER 2021



Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) Bil.4 telah diadakan di Corus Paradise Resort, Port Dickson.

PROGRAM / AKTIVITI

PROGRAM KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

22 NOVEMBER 2021

Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Seluruh Malaysia peringkat Daerah Seremban di Kolam Takungan Banjir Siliau

Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan atas program ini yang dibuat di kolam takungan banjir JPSNS.



KURSUS INDUKSI

25 FEBRUARI 2021



Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah mengadakan Kursus Induksi untuk semua Penolong Jurutera JA 29 yang baru berkhidmat samada lantikan baru atau pertukaran daripada jabatan lain. Ini adalah pendedahan kepada semua Penolong Jurutera untuk lebih memahami skop kerja di dalam JPS.



PROGRAM / AKTIVITI

IN HOUSE KNOWLEDGE SHARING

19 MAC 2021



Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah mengadakan satu sesi perkongsian ilmu secara dalaman untuk semua Penolong Jurutera JA 29 dan seramai 57 orang pegawai yang telah menghadirkan diri.

Taklimat disampaikan oleh Puan Roslaili binti Maamor selaku Ketua Bahagian, Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak .



CETUSAN IDEA INOVASI 2021

16 NOVEMBER 2021



Sebanyak 26 idea yang telah dipertandingkan dalam pertandingan ini. Para peserta terdiri daripada kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran seluruh Negeri Sembilan



PROGRAM / AKTIVITI

MAJLIS PENUTUP HARI SUNGAI SEDUNIA 2021

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

16 NOVEMBER 2021

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Penutup Hari Sungai Sedunia tahun 2021 bertempat di Casa Lagenda Convention Centre (CLCC) yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Antara pertandingan yang diadakan ialah :

i) Kutip Sampah Sambil Riadah



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI
SEMBILAN TAHUN 2021 (HASN9_2021)

27 MAC 2021



Aktiviti Penanaman Pokok di
Dataran Kenaboi, Jelebu



Aktiviti Pelepasan Anak
Ikan di Sungai Batu Hampar,
Rembau

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah menganjurkan Sambutan Hari Air Sedunia Di Peringkat Negeri Sembilan yang bertemakan 'Valuing Water'. Program ini diadakan bertujuan untuk menerapkan kepentingan sumber air dan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap aktiviti - aktiviti yang akan dilaksanakan bagi melindungi sumber air utama. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan turut hadir sebagai tetamu kehormat dan merasmikan program tersebut. Program ini juga diadakan serentak di seluruh daerah dalam Negeri Sembilan.

PROGRAM / AKTIVITI

MAJLIS CABUTAN KERJA UNDI BIL.1 2021

12 APRIL 2021



Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah melaksanakan perolehan kerja undi untuk mempercepat pelaksanaan projek berskala kecil selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara Live Streaming. Sebanyak 31 projek yang terlibat dan jumlah kos keseluruhan ialah RM1,758,100.00

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

15 OKTOBER 2021

Majlis ini diadakan sebagai penghargaan kepada kakitangan yang telah dicalonkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Kakitangan tersebut terdiri daripada pelbagai jawatan dan gred juga daripada semua daerah dan bahagian di dalam Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan.

Seramai 20 orang kakitangan yang telah menerima Anugerah tersebut:-

1. Puan Saliza binti Mohd Said
2. Cik Nooraida binti Mokhtar
3. Mazurah binti Mustafa
4. Munirah binti Mohusin
5. Abdullah Chik bin Abd. Latif
6. Mohd Nizam bin Abdullah
7. Nurul Imakamila binti Kamarul
8. Rusilawati binti Abd Rahman
9. Shalini a/p Gunantrin
10. Mohamad Azizi bin Aziz
11. Zairudin bin Jailani
12. Selva Ganesan a/l Sillappan
13. Ahmad Khairul Nizam bin Hanafi
14. Ruslan bin Wahab
15. Norazame bin Yaakub
16. Hazmah binti Hamid
17. Mohd Razif bin Abu Bakar
18. Rusli bin Mohd Jani
19. Mohamad Hafizan bin Dinor
20. Noraini binti Hanas Abdullah



PROGRAM / AKTIVITI

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JTJPS) MALAYSIA

11-12 OKTOBER 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JTJPS) Malaysia dan Majlis Santunan Budi, Junjungan Kasih sempena Persaraan Yang Berbahagia Dato Ir Hj Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Yang Berlangsung Di Nilai Springs Golf Country Club.



Seluruh Warga Kerja Jabatan Pengairan dan Saliran ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg Dato' Ir Mohd Azmi bin Ismail di atas jasa dan bakti beliau sepanjang menjayakan perkhidmatan sempurna.

JOM BACA BERSAMA SELAMA 10 MINIT

22 APRIL 2021

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan menyokong dan menyambut baik kempen ini dalam menerapkan nilai membaca dalam kakitangan JPSNS.



PROGRAM / AKTIVITI

MESYUARAT BERSAMA JABATAN

22 APRIL 2021

Majlis Bersama Jabatan telah dipengerusikan oleh Tuan Pengarah JPS NS bagi membincangkan usul, pancangan dan cadangan kakitangan JPS dalam melaksanakan tugas



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN PROJEK

29 SEPTEMBER 2021



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Negeri Sembilan Bil. 4 tahun 2021 telah diadakan di AC Hotel Marriotts, Kuantan, Pahang. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JPS Negeri Sembilan seramai 19 orang.

PROGRAM / AKTIVITI

SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA 2021

26 SEPTEMBER 2021

Perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air dan dihadiri oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Exco Kerajaan Negeri Sembilan yang mewakili YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Lokasi : Sungai Rembau @ Lubok China

dan lokasi serentak di Sungai Batang Benar, Nilai yang dirasmikan oleh YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan.



Gambar atas : lokasi di Sungai Batang Benar, Nilai

PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)

23 APRIL 2021



Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Kerja Undi Peruntukan MARRIS dan Peruntukan Negeri, dan Surat Pemberitahuan Kerja Undi JPS BIL 1/2021 oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan.

PROGRAM / AKTIVITI

MAJLIS UNDI KERJA-KERJA DI BAWAH PERUNTUKAN
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA)

06 MEI 2021

Sekitar Majlis Undi Kerja-Kerja Di Bawah Peruntukan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar Dan Air. Sebanyak 30 projek yang telah terlibat dan tahniah diucapkan kepada semua kontraktor yang berjaya.



KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG

03 OGOS 2021



BULAN KIBARKAN JALUR GEMILANG 2021

Walaupun pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang tidak dapat diadakan seperti tahun-tahun sebelum ini kerana ancaman pandemik COVID-19, kehangatan dan momentum sambutannya masih dirasai setiap lapisan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Bersama-samalah kita menghayati bulan kemerdekaan dengan norma baharu.